



18 Mac 2026
18 March 2026
P.U. (B) 113

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

NOTICE UNDER SECTION 70

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

Menteri Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, berkuat kuasa mulai 6 April 2026.


Pengecualian daripada larangan itu hendaklah diberikan bagi maksud dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Pengarah, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Tingkat 2 Blok D (Lama), Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur atau melalui e-mel ke kuantan@jkr.gov.my, pada atau sebelum 27 Mac 2026.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)
Jalan yang baginya larangan terpakai	Jenis kenderaan
Laluan 229, Jalan Permatang Badak dari koordinat U 3.801045, T 103.263504 hingga U 3.777770, T 103.273192, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan bermotor dan jentera bergerak yang mempunyai berat tanpa muatan lima ribu kilogram dan lebih

JADUAL KEDUA



JADUAL KETIGA

PENGECUALIAN

1. Bagi maksud penyelenggaraan, pembaikan, peningkatan, pembersihan dan pemugaran bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
2. Bagi maksud pemacakan, pemasangan, penyelenggaraan, pengubahan atau pengalihan mana-mana struktur, kerja, peralatan atau apa-apa benda di dalam, pada, di bawah atau di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
3. Bagi maksud perkhidmatan kecemasan dan penguatkuasaan oleh agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.
4. Bagi maksud pemeriksaan, pembuangan dan penghantaran sisa domestik oleh kenderaan berat seperti lori sampah, lori pembersihan pebetungan dan lori vakum pebetungan.
5. Bagi maksud kecemasan, jika penggunaan mana-mana jalan selain yang terdapat dalam koordinat yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama menjadi mustahil atau tidak sesuai.
6. Bagi maksud pengangkutan awam.

Bertarikh 17 Mac 2026

[KKR.100-1/2/79]ld.10; PN(PU2)460/JLD.141]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

ROAD TRANSPORT ACT 1987

NOTICE UNDER SECTION 70

The Minister of Works proposes to make an order under section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving of vehicles specified in column (2) of the First Schedule, on the part of the road specified in column (1) of the First Schedule as shown on the map in the Second Schedule, with effect from 6 April 2026.


Exemption from such prohibition shall be given for the purposes and in circumstances specified in the Third Schedule.

Objections to the proposal, if any, must be sent in writing to the Director, Road Facilities Maintenance Branch, Public Works Department Malaysia Headquarters, Level 2 Block D (Old), Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur or by email to kuantan@jkr.gov.my, on or before 27 March 2026.

FIRST SCHEDULE

(1)	(2)
Road to which prohibition applies	Type of vehicles
Route 229, Permatang Badak Road from coordinate N 3.801045, E 103.263504 until N 3.777770, E 103.273192, as shown on the map in the Second Schedule	Motor vehicles and mobile machineries with the unladen weight of five thousand kilogrammes and more

SECOND SCHEDULE



THIRD SCHEDULE

EXEMPTION

1. For the purposes of maintenance, repair, improvement, cleaning and clearance of the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
2. For the purposes of erection, installation, maintenance, alteration or removal of any structure, works, apparatus or any thing in, on, under or over the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
3. For the purposes of emergency services and enforcement by the Government agencies and local authorities.
4. For the purposes of checking, disposal and delivery of domestic waste by heavy vehicle such as garbage truck, sewerage cleaning truck and sewerage vacuum truck.
5. For the purposes of emergency, if the use of any road other than which appears in the coordinates specified in column (1) of the First Schedule is rendered impossible or unsuitable.
6. For the purposes of public transport.

Dated 17 March 2026
[KKR.100-1/2/79]ld.10; PN(PU2)460/JLD.141]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works